

**TEKS UCAPAN**  
**Y.BRS. PROFESOR Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS MAKAN MALAM KONVOKESYEN**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA KALI KE-18**

**4 November 2022, 8.00 Malam**

**Hotel Ames**

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

## **SALUTASI**

**BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM..**

**Yang Amat Dikasihi Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia**

**(Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

**Yang Di-Pertua Negeri Melaka Merangkap Canselor UTeM**

**اوینیورسیتی تیکنیکال ملکا**

**Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah  
Asmah Binti Abd Rahman**

**Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali**

Ketua Menteri Melaka



**Yang Amat Berbahagia Datin Seri Utama Datuk Wira Hajah Munira binti M. Yusop**

---

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Yang Berbahagia Datuk Dr. Sabirin bin Ja'afar**

Pro Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**Yang Berhormat Datuk Wira Zaidi bin Johari**

Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

**Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan**

Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM

Mantan Naib Canselor dan Rektor UTeM

Penerima Gelaran Profesor Emeritus

Penerima-Penerima Ijazah Doktor Kehormat

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah UTeM

Tetamu Kehormat

Wakil-Wakil IPTA dan PTS

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti



Rakan-Rakan Industri dan Agensi

Penerima-Penerima Anugerah Majlis Konvokesyen UTeM kali ke-18

Penyumbang-Penyumbang Majlis Konvokesyen UTeM kali ke-18

Rakan-Rakan Media

Dan Keluarga UTeM yang dikasihi sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera

1. Sempena hari yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh keluarga UTeM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan untuk hadir di Majlis Makan Malam Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka Kali ke-18.

**Indah gemalai bersopan santun,**

**Berhias si dara cantik berseri;**

**Terima kasih Tuan Yang Terutama Tun,**

**Semua jemputan sentiasa dihadiri.**

2. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan hadir pada Majlis Makan Malam ini, sesungguhnya amat bermakna buat seluruh keluarga UTeM. Keprihatinan daripada Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan sesungguhnya dapat menyemarakkan lagi keazaman seluruh keluarga UTeM untuk terus gigih demi memastikan kelestarian dan kecemerlangan UTeM.
3. Tidak lupa juga kepada barisan urusetia yang dipengerusikan secara bersama oleh Profesor Madya Dr. Hidayat bin Zainuddin, Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan juga Datin Wira Ts. Nurazlina binti Md Sanusi, Pengarah Pejabat Komunikasi Korporat dan Perhubungan Canselori yang bertungkus lumus

bagi memastikan Majlis Makan Malam pada hari ini dapat dilaksanakan. Terima kasih juga kepada perwakilan dari industri, agensi dan penyumbang bagi Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka kali ke-18 yang hadir bersama-sama pada hari ini.

**Tuan Yang Terutama Tun  
Hadirin dan Hadirat sekalian,**

4. Majlis Makan Malam ini dianjurkan sebagai satu platform untuk menghargai penerima anugerah bagi Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka kali ke-18. Antara anugerah

tersebut adalah Anugerah Di Raja, Anugerah Canselor dan Anugerah Pro Canselor. Graduan yang akan menerima anugerah ini sudah semestinya merupakan di antara yang terbaik dan sewajarnya untuk diraikan.

5. Penat lelah dan usaha yang telah diberikan sepanjang bergelar mahasiswa/mahasiswi di UTeM seharusnya mendapat penghargaan daripada Universiti. Mereka merupakan testimoni kejayaan UTeM dalam melahirkan TUAH yang mampu untuk berkilau seperti graduan di institut pengajian tinggi yang lain. Mereka ini juga akan menjadi tauladan dan contoh kepada

mahasiswa/mahasiswi lain yang masih sedang menjalani pengajian di UTeM.

6. Bukan itu sahaja, pengurusan tertinggi UTeM juga amat mengambil berat akan hubungan di antara Universiti dan juga pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam perkembangan Universiti. Ini termasuklah hubungan bersama kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, industri dan juga agensi yang sentiasa bekerjasama dengan UTeM dalam memajukan pembangunan akademik, penyelidikan mahupun pembangunan kompetensi pelajar.

7. Melalui majlis yang dianjurkan pada malam ini, diharapkan hubungan baik di antara kesemua pihak ini dapat terus dijalinkan dengan harmoni dan kerjasama yang lebih erat melalui program-program yang akan direncanakan dapat dijalankan dengan baik.

**Tuan Yang Terutama Tun  
Hadirin dan Hadirat sekalian,**

8. Untuk makluman semua, Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka kali ke-18 yang akan berlangsung pada 5 – 7

November 2022 akan menyaksikan kejayaan 3,149 orang graduan menamatkan pengajian dalam pelbagai peringkat dan bidang pengajian mereka menerusi enam (6) sesi penganugerahan yang merangkumi 63 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 7 orang graduan Doktor Kejuruteraan, 147 orang graduan Ijazah Sarjana, 2,454 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dan 478 orang graduan Diploma.

9. Majlis Konvokesyen kali ini juga turut diserikan lagi dengan penganugerahan gelaran Profesor Emeritus kepada Dato' Profesor Dr. Mohd Nor bin Husain yang merupakan mantan Timbalan Naib

Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan kepada Mr. Tan Chun Sheng, Pengurus Besar STMicroelectronics Sdn. Bhd. dan Ijazah Kehormat Doktor Teknologi Maklumat kepada Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif Cybersecurity Malaysia.

10. Marilah bersama-sama kita mendoakan bahawa Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka kali ke-18 yang akan bermula pada hari esok berjalan dengan lancar dan jayanya.

11. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan jutaan penghargaan dan terima kasih di atas kelapangan masa Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan, Tuan-tuan dan Puan-puan yang turut hadir bersama di majlis pada hari ini.
  
12. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada Jawatankuasa program yang komited dalam memastikan majlis ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

**Jangan dikejar yang tidak pasti,  
Takut jatuh termasuk jerat;  
Siswa gemilang UTeM hargai,  
TUAH berjaya perkasa martabat.**

Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Walhidayah

جامعة ملاكا  
جامعة تكنولوجيا ملاكا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA